



SHAIFUL diapit oleh dua penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Ross Aniza dan Wen Fang (kanan) selepas Majlis Konvokesyen UMT di Kuala Terengganu semalam.

Shaiful sapu tiga anugerah

Oleh MANIRAH OTHMAN
manirah@kosmo.com.my

KOSMO 27/08/07
Pg. 3

KUALA TERENGGANU – Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) semalam pastinya tertumpu kepada seorang graduan dari Kuala Lumpur, Noorul Shaiful Fitri Abdul Rahman.

Manakan tidak, graduan Ijazah Sarjana Muda Maritim itu memperoleh tiga kejayaan serentak selaku penerima Anugerah Pingat Emas Canselor, Anugerah Naib Canselor serta Anugerah Pelajar Terbaik Pengurusan Maritim.

Namun, di sebalik kejayaan itu, timbul juga rasa hiba memandangkan bapanya, Abdul Rahman Daud, 60, tidak dapat hadir kerana menderita penyakit angin ahmar sejak setahun lalu.

“Saya ajak ayah datang tapi dia tak mahu susahkan kami,” kata pegawai di sebuah syarikat di Shah Alam itu ketika ditemui selepas majlis pengurniaan anugerah oleh Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah yang sebelum itu dimahsyurkan sebagai Canselor UMT.

Bagaimanapun kehampaan Noorul Shaiful terubat apabila ibunya, Robiah Ramley, 49, hadir.

Mengenang semula kejayaannya, beliau berkata,

“Prinsip saya mudah, untuk berjaya kita kena bersungguh-sungguh dalam apa jua yang dilakukan.”

Saiful pernah muncul pelajar terbaik Sijil Pelajaran Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan Dr. Burhanuddin, Taping, Perak dan pelajar terbaik keseluruhan peringkat diploma di Universiti Putra Malaysia, Cawangan Bintulu, Sarawak.

Anak pesara itu pernah mendapat keputusan CGPA 4.0 pada peringkat pengajian diploma selain terpilih menerima Anugerah Sijil Dekan setiap semester.

Tiga lagi pelajar yang menerima anugerah kecemerlangan ialah Ross Aniza Ramlan (Anugerah Pelajaran Diraja - Calon Bumiputera); Teoh Wenfang (Anugerah Pelajaran Diraja - Bukan Bumiputera) dan Nurul Huda Abdul Kadir @ Abdul Rahman (Anugerah Penggerusi Lembaga Pengarah Universiti - Sains).

Bagi Wenfang yang berasal dari Pulau Pinang, beliau mengakui kejayaannya itu banyak didorong oleh sifatnya ‘sukar duduk diam’.

“Saya campur aduk belajar dengan banyak aktiviti dalam kampus,” kata graduan Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan) itu.

Dalam majlis tersebut, seramai 1,497 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing.